

Ilmu ekologi bantu pemuliharaan

PENYELIDIKAN

Penggunaan Tumbuhan Aromatika dari ubatan dalam kelangan masyarakat orang Asli Suku Kaum Jahai di hutan Royal Belum.

MALAYSIA MEMILIKI

● Spesies mamalia - **286 spesies** dengan **27 spesies endemik**.

● Burung - 736 spesies dengan 11 spesies endemik.

● Reptilia - **268 spesies** dengan **69 spesies endemik**.

● Amfibia - **158 spesies** dengan **57 spesies endemik**.

● Ikan laut - **4,000 spesies**

● Ikan air tawar - **449 spesies** yang tidak diketahui spesies endemik.

● Haiwan invertebrata - 150,000 spesies

● Tumbuhan berbunga **15,000 spesies**.

● Tumbuhan palma - **195 spesies** di Semenanjung, **128 spesies** di Sabah dan **213 spesies** di Sarawak.

● Orkid - **500 spesies** di Semenanjung.

● **2,500 spesies** di Sabah dan Sarawak.

● Paku-pakis dan kulat - Lebih **2,000 spesies**.

EKOLOGI adalah satu bidang biologi yang sangat penting apabila bercakap tentang tanah runtuh, banjir kilat, sungai tercemar, pencemaran bahan kimia beracun, kehilangan kepelbagaian biologi, haiwan liar mati di jalan raya, penyeludupan sumber hutan, sumber semula jadi yang berkepentingan dalam perubatan dan pertanian, konflik haiwan liar dengan manusia, eko-pelancongan dan penerokaan haram hutan simpan Malaysia sebagai negara yang tinggi kepelbagaian biologi dunia.

Pengetahuan tentang ekologi sangat penting dalam membantu menguruskan alam sekitar dan sumber semula jadi yang disebutkan. Malaysia sepertinya mempunyai ramai pakar dalam bidang ekologi atau kepelbagaian biologi.

Sekjak tiga tahun lepas, Persatuan Ekologi Malaysia (PEM) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Seminar Ekologi Malaysia (SEM) yang bertujuan mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang berkenaan.

Dalam ketiga-tiga siri berkenaan, lebih 100 kertas kerja telah di bentangkan pada setiap kali seminar dan hampir 200 peserta menyertainya.

Semua aspek berkaitan ekologi haiwan, tumbuhan, terrestrial dan akuatik dibincangkan. Perkara yang penting dalam SEM ialah pesertanya terdiri daripada pelajar ijazah lanjutan peringkat sarjana muda dan doktor falsafah

ralat & rawat

Bersama
DR. AHMAD ISMAIL



serta pembentangan ucapan utama oleh ahli sains terkemuka dalam kalangan Felo Akademi Sains Malaysia (ASM). Menerusi SEM, berlaku cetusan minat dalam kalangan generasi muda dalam bidang ekologi dan mendapat bimbingan serta motivasi daripada Felo Akademi Sains Malaysia (FASc.).

Felo ASM adalah satu pengiktirafan kepada ahli sains yang menyumbang kepakaran mereka yang luar biasa, menunjukkan komitmen dan kesungguhan yang tinggi serta kreativiti mereka dalam salah satu daripada enam bidang.

Kurang daripada 20 orang (enam peratus) yang mungkin terlibat secara langsung dalam bidang ekologi. Felo kanan yang dilantik adalah berhak dipanggil sebagai 'ahli akademik' manakala felo berhak untuk menggunakan gelaran FASc. ASM ditubuhkan oleh Akta Parlimen 1995 (ASM Act 1994).

Felo baharu dicalonkan oleh felo sedia ada menerusi proses yang ketat dan dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan ASM. Peranan felo ASM adalah sebagai pasukan pemikir negara berkaitan sains, kejuruteraan, teknologi dan inovasi dan meningkatkan kecemerlangan

untuk manfaat semua rakyat Malaysia.

Aktiviti SEM yang menggabungkan felo ASM dengan saintis muda adalah suatu yang sangat baik bagi memberi peluang generasi muda mendapat semangat daripada felo ASM sekali gus menggalakkan pembangunan bidang ekologi. Aktiviti sebegini selaras dengan Wawasan 2020 iaitu kemajuan sains dan teknologi adalah cabaran keenam daripada sembilan cabaran yang disenaraikan.

Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 dengan kemajuan penuh dalam semua aspek kehidupan termasuk dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi, alam sekitar dan kebudayaan.

Selaras dengan strategi mengutamakan pembangunan S&T, kerajaan pada bulan April 1986 mengumumkan Dasar Sains dan Teknologi Negara yang bertujuan menggalakkan penggunaan (S&T) sebagai satu alat untuk pembangunan ekonomi, membaiki kedudukan fizikal dan kesejahteraan rakyat serta untuk melindungi kedaulatan negara. Dasar tersebut memberi fokus kepada usaha meningkatkan keupayaan berdikari dalam bidang saintifik dan teknologi. Ini membantu aktiviti ekonomi dengan cara mewujudkan suasana yang baik untuk menggalakkan penciptaan saintifik dan memperbaiki infrastruktur dalam bidang saintifik, pelajaran dan lain-lain bidang yang berkaitan.

Dalam SEM baru-baru ini fokus utama adalah tentang hutan simpan yang dilindungi. Bagi memenuhi hasrat kerajaan bertujuan memenuhi keperluan pengurusan kepelbagaian biologi dan memenuhi tanggungjawab Malaysia di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa Bersatu


Menerusi Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (NBDP) 1998 dan disemak semula pada 2016 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan 17 sasaran yang perlu dilaksanakan. Dasar tersebut sebelumnya juga bertujuan melindungi dan memuliharkan ekosistem dan habitat, terutama bukit batu kapur, tanah lempap, terumbu karang dan rumpai laut.

Ia juga menyasarkan untuk mengurangkan perburuan, perdagangan hidup liar, ikan dan tumbuhan secara haram untuk meningkatkan sumbangan masyarakat Orang Asli dan masyarakat setempat, masyarakat madani dan sektor swasta dalam pemuliharaan dan penggunaan kepelbagaian biologi secara mampan. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan dana dan sumber yang digembungkan bagi pemuliharaan biodiversiti daripada sumber kerajaan dan bukan kerajaan.

Menurut kenyataan itu, NBDP 2016-2025 menggariskan lima prinsip utama dalam pengurusan kepelbagaian biologi negara termasuk warisan, berkongsi tanggungjawab, penyertaan dan tadbir urus yang baik.

Dalam SEM baru-baru ini fokus utama adalah tentang hutan simpan yang dilindungi.

Bagi memenuhi hasrat kerajaan bertujuan memenuhi keperluan pengurusan kepelbagaian biologi dan memenuhi tanggungjawab Malaysia di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa Bersatu



PENYELIDIKAN Penggunaan Tumbuhan Aromatika dari ubatan dalam kelangan masyarakat orang Asli Suku Kaum Jahai di hutan Royal Belum.

mengenai Kepelbagaian Biologi (CBD). Dasar tersebut menekankan kepentingan kelangsungan pemuliharaan, penggunaan sumber yang konsisten serta perkongsian faedah kepelbagaian biologi sudah pasti memerlukan tenaga pakar yang mencukupi bagi menasihat dan melaksanakan program kerajaan demi meneruskan kelangsungan pemuliharaan, penggunaan berterusan dan perkongsian faedah secara saksama.

Dalam SEM 2017 menegaskan yang konflik kawasan hutan simpan yang dilindungi boleh diatasi sekiranya diuruskan dengan betul.

Untuk ini pegawai kerajaan dan pakar mestilah berpengetahuan luas dalam pengurusan hutan dan ilmu tentang kandungan hutan flora, fauna dan habitat mereka.

Penyelidikan diperlukan bagi memenuhi keperluan tersebut.